SABAH ELECTRICITY SDN. BHD. (462872-W)

QUALITY SYSTEM SIRIM UKAS MANAGEMENT SYSTEMS 074
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: AR 4967

Ruj kami : SESB/KPKK/ 100-15(19) / 74

Tarikh: 17 Jun 2019

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Aras 11, Menara Kerja Raya (Block G)
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

No. Tel: (03) 2618 9958
No. Fax: (03) 2618 9844

Tuan,

PROJEK : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PUTATAN, SABAH.
Perkara : Pra Rundingan – Ulasan Teknikal

Dengan segala hormatnya, surat tuan no rujukan : (47)PKR(L)13/2018 bertarikh 17 Mei 2019 dan lawatan tapak pada 13 Jun 2019 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman pihak tuan, merujuk kepada anggaran beban (MD) bagi projek ini iaitu 144kW, beban ini masih boleh ditampung daripada pencawang yang terdekat. Walaubagaimanapun, skop kerja ini akan melibatkan kerja-kerja HDD yang akan dilaksanakan oleh kontraktor pihak tuan, jika diperlukan oleh pihak berkuasa tempatan(PBT).

Untuk makluman pihak tuan juga, anggaran kos kasar bagi projek ini sebanyak RM250,000.00 tertakluk kepada perubahan harga barang dari semasa ke semasa dan perubahan kehendak maksima(MD) dan keperluan daripada pihak berkuasa tempatan. Pihak kami akan mengeluarkan kos caj sambungan pengguna selepas menerima semua dokumen-dokumen yang diperlukan seperti dalam senerai semak yang dilampirkan. Sila ambil maklum bahawa kos ini tidak termasuk skop kerja HDD.

Perhatian daripada pihak tuan dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian dan harap maklum.

"BERSAMA MEMACU PEMBANGUNAN NEGERI SABAH"

(Ir. Yusmir Yusop)
Pmk. Pengurus Zon Kanan Metro
Kendalian Pembahagian KK
Sabah Electricity Sdn Bhd
Untuk.

Sk. *Pengurus Besar Pembahagian*
Ketua Jurutera Perancangan Dan Projek (Pembahagian)